



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

PELANTIKAN LEMBAGA RAYUAN (PERANCANGAN) DAN LEMBAGA PENASIHAT PERANCANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN

PUTRAJAYA, 23 Sept 2019 – YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan hari ini menyempurnakan Majlis Penyerahan Watakah Pelantikan bagi ahli-ahli Lembaga Rayuan (Perancangan) dan Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (LPPWPKL). Penubuhan kedua-dua badan ini merupakan satu usaha kementerian untuk menambah nilai dan mengukuhkan sistem serta tadbir urus perancangan bandar di Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur.

Menyedari cabaran dan isu perbandaran khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil langkah proaktif dengan menggerakkan semula dan mengemaskini fungsi dan peranan Lembaga Rayuan (Perancangan) dan Lembaga Penasihat Perancangan selaras dengan peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267).

Lembaga Rayuan (Perancangan) merupakan satu *platform* untuk membantu orang awam menyalurkan dan mendengar rayuan permohonan mana-mana individu yang tidak berpuas hati dengan keputusan Datuk Bandar Kuala Lumpur. Badan ini dianggotai oleh 6 orang ahli terdiri daripada seorang (1) pengerusi dan seorang (1) timbalan pengerusi serta 4 orang ahli daripada kalangan profesion kehakiman dan perancang bandar.

Manakala Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pula dibentuk untuk memberi khidmat nasihat, pandangan dan idea kepada Menteri Wilayah Persekutuan dalam perkara-perkara berkaitan perancangan bandar khususnya mengenai draf Pelan Struktur dan Pelan Tempatan, kawasan tindakan dan pembangunan serta lain-lain perkara Lembaga Penasihat Perancangan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah Persekutuan dan dianggotai oleh 5 orang ahli yang terdiri daripada ketua jabatan kerajaan serta tiga (3) ahli yang dilantik oleh Menteri yang terdiri daripada badan professional yang berkepakaran dalam bidang perancangan dan reka bentuk bandar.

Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa komited dalam memastikan matlamat pembangunan mampan, kesejahteraan rakyat dan kemakmuran bersama dapat dicapai. Justeru, peranan dan tanggungjawab serta kepercayaan yang diletakkan ke atas ahli-ahli kedua-dua badan tersebut akan memberi impak positif kepada perjalanan sistem perancangan bandar serta sistem penyampaian kerajaan yang telus dan berkesan khususnya di Wilayah Persekutuan.

Disediakan Oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
23 September 2019**